

WAKAF KONTEMPORARI Strategi Pembangunan Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia

**Mohammad Mahyuddin Khalid
Mohd Ashrof Zaki Yaakob
Azri Bhari
Baharuddin Sayin
Mohd Afandi Mat Rani**



© Penerbit UiTM, UiTM 2017

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. e-mel: penerbit@salam.uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohammad Mahyuddin Khalid

Wakaf Kontemporari: Strategi Pembangunan Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia/

Mohammad Mahyuddin Khalid, Mohd Ashrof Zaki Yaakob, Azri Bhari,

Baharuddin Sayin, Mohd Afandi Mat Rani.

ISBN 978-967-363-510-8

1. Waqf. 2. Education--Finance. 3. Education, Higher--Finance.

3. Educational fund raising--Malaysia. I. Mohd Ashrof Zaki Yaakob.

II. Azri Bhari. III. Baharuddin Sayin. IV. Mohd. Afandi Mat Rani, 1974-

V. Judul.

378.106

Dicetak di Malaysia oleh :

Reka Cetak Sdn. Bhd.

12, Jalan Jemuju Empat 16/13D

Seksyen 16

40200 Shah Alam

Selangor D. E.

www.rekacetak.com

KANDUNGAN

<i>Senarai Rajah</i>	vii
<i>Senarai Jadual</i>	ix
<i>Prakata</i>	xi
 Realiti dalam Merealisasi Pelaksanaan Instrumen Wakaf di Institusi Pengajian Tinggi <i>Asiah Kamal dan Azizi Che Seman</i>	 1
 Model Pelestarian Institusi Pendidikan Tinggi Wakaf Berdasarkan Hadis <i>Noor Azura Zainuddin, Siti Fatimah Sudin, Hasyeilla Abd Mutalib, Rabitah Harun dan Rusnadewi Abdul Rashid</i>	 19
 Wakaf vs Kepercayaan: Siapa Pengaruh Siapa? <i>Razali Othman dan Rohayu Abdul Ghani</i>	 31
 Wakaf: Menyelusuri Jejak Kegemilangan Sejarah Silam <i>Razali Othman dan Rohayu Abdul Ghani</i>	 51
 Komunikasi dan Pelaporan Sebagai Mekanisme Tadbir Urus dan Kemampanan Wakaf Pendidikan Tinggi <i>Suhaili Sarif, Nor 'Azzah Kamri, Siti Mashitoh Mahamood dan Muhammad Zaid Suhaimi</i>	 65

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT. Yang Maha Pemurah lagi Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Secara tradisinya pengurusan wakaf di Malaysia adalah di bawah pihak berkuasa agama negeri-negeri. Ini adalah bertepatan dengan peruntukan 3(2) dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa Raja adalah sebagai ketua Agama bagi negeri-negeri yang mempunyai Raja dan Yang Di Pertuan Agong sebagai Ketua Agama bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Sultan atau Raja. Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) adalah menjadi penasihat kepada DYMM Sultan-Sultan di dalam soal-soal yang berkaitan dengan penggubalan dasar dan polisi mengenai Hal Ehwal Islam. Perlaksanaan dasar dan polisi ini dijalankan oleh sama ada MAIN sendiri atau Jabatan Agama Islam negeri-negeri (JAIN) berkenaan.

Dari segi undang-undang MAIN adalah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf. Ini bermakna seluruh perkara yang berkaitan dengan hal ehwal waqaf sama ada wakaf khas atau wakaf am adalah dibawah pengurusan MAIN. Peruntukan ini adalah penting bagi memastikan penyelewengan dalam pengurusan tidak berlaku dan kawalan serta pembangunan dapat dijalankan secara berterusan.

Buku ini amat berguna kepada pelbagai pihak antaranya ialah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang kini sedang giat menggerakkan usaha mewujudkan wakaf di institusi-institusi pengajian tinggi. Selain itu, ia juga bermanfaat kepada MAIN, Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta badan-badan kerajaan dan bukan

Realiti dalam Merealisasi Pelaksanaan Instrumen Wakaf di Institusi Pengajian Tinggi

*Asiah Kamal
Azizi Che Seman*

PENDAHULUAN

Kebanyakan negara yang pernah dijajah, universiti tempatan dikembangkan berlandaskan sistem sebuah universiti dari negara penjajah (Mohamad Najib, 2004). Sembilan puluh peratus dana bersumberkan kerajaan (Ahmad Nurulazam *et al.*, 2008). Memandangkan kos pengajian di IPT adalah di luar kemampuan sebahagian besar kumpulan yang memasuki universiti, maka kerajaan telah menubuhkan lebih banyak IPTA. Pertumbuhan pesat IPTA membawa implikasi besar kepada pola peruntukan kewangan yang bakal diterima oleh setiap universiti. Walau bagaimanapun, banyak peruntukan disediakan oleh pihak kerajaan kepada universiti. Namun, pertambahan bilangan IPTA akan mengakibatkan penurunan peruntukan sebenar yang bakal diterima oleh setiap IPTA. Peruntukan kewangan untuk IPTA diperlukan untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan kerajaan (Ahmad Nurulazam *et al.*, 2008).

Bagi universiti baharu, peruntukan yang besar diperlukan untuk pembangunan prasarana seperti pembangunan universiti, dewan kuliah, makmal, asrama, dan kemudahan-kemudahan lain untuk keperluan pekerja dan pelajar. Sesebuah universiti yang telah lama dibangunkan, perbelanjaan mengurus semakin tinggi, peruntukan yang besar juga diperlukan untuk tujuan penambahbaikan serta peningkatan atau pemulihan prasarana yang sedia ada (Ahmad Nurulazam *et al.*, 2008). Oleh itu, kos pendidikan tinggi meningkat dan setakat ini sebahagian besarnya ditanggung oleh pihak kerajaan kerajaan.